

INOVASI KUTIPAN ZAKAT PADA ZAMAN UMAR AL-KHATTAB

Development of Zakat Collection During Caliph Umar al-Khattab

Hamizul bin Abdul Hamid ¹
Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid ²
Adibah binti Abdul Wahab ³

Abstrak

Perbincangan tokoh yang hebat selalunya akan menyentuh mengenai sumbangan yang telah mereka lakukan. Begitu juga dengan ketokohan Umar al-Khattab. Beliau bukan sekadar tokoh biasa, kerana pada era kepimpinannya berlaku banyak inovasi hebat. Ia termasuklah dalam urusan zakat. Buktinya, beliau telah memperkenalkan banyak inovasi menjurus dalam pengurusan zakat pada era pemerintahannya. Artikel ini akan membincangkan dua perkara, iaitu (1) Inovasi yang telah dilakukan oleh Umar al-Khattab dalam bidang kutipan zakat, (2) Faktor sikap Umar al-Khattab yang mempengaruhinya. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan merujuk kepada buku atau bahan-bahan bertulis yang berkaitan. Hasil kajian mendapati, Umar al-Khattab telah berjaya memperkenalkan 14 inovasi dalam kutipan zakat pada era pemerintahan beliau. Didapati juga, faktor sikap Umar al-Khattab sangat mempengaruhinya dalam melakukan inovasi berkenaan. Namun begitu, masih terdapat banyak lagi inovasi dalam pengurusan zakat yang perlu dibincangkan dengan lebih lanjut dalam penulisan yang akan datang.

Kata kunci: Zakat, Khalifah Umar, Inovasi zakat, Kutipan zakat.

Abstract

Discussion about great figure will always touch on the contribution they made. It's including Umar al-Khattab. He is not just an ordinary figure, because in the era of his leadership, many great innovations apply. It is including the innovation of zakat. He introduced many innovations, especially in zakat's collection matter. This article will discuss two things, (1) Innovations that have been carried out by Umar al-Khattab in the field of zakat collection, (2) The role of attitude of Umar al-Khattab that influenced the innovation. To achieve this objective, the researcher applies the fully qualitative method by referring to books or related material. The results found that Umar al-Khattab had succeeded introducing 14 innovations in zakat's collection. It's also proved that Umar al-Khattab's attitude is deeply influences him in his innovation. However, there are still many more innovations in managing zakat which need to be discussed further in future writing.

¹ Calon Sarjana Pengajian Islam di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email hamizul@zakat.selangor.com.my

² Pensyarah kanan dan penyelia calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Ketua Division Pusat Kecemerlangan Zakat, Lembaga Zakat Selangor. Email adibah@zakat.selangor.com.my

Keyword: *Zakat, Chaliph Umar, Zakat Inovation.*

Pendahuluan

Ketokohan Umar al-Khattab sepanjang 10 tahun pemerintahannya (634-644 Masihi), telah banyak diperkatakan oleh para pengkaji tempatan dan luar negara. Kajian berkenaan dibuat, sama ada melibatkan latar belakang dirinya atau memfokuskan kepada pelbagai sumbangan Umar al-Khattab sewaktu menduduki tampuk pemerintahan Islam. Misalnya pada tahun 1991, Saifuddin Sidek telah menulis di dalam kajiannya bahawa antara faktor penompang utama yang memperkukuhkan kedudukan Umar al-Khattab ialah, aspek ketokohan dirinya sendiri. ‘Umar al-Khattāb diberikan Allah SWT dengan bentuk fizikal yang baik, pembawaan diri tegas yang karakter dirinya yang sangat berwibawa.⁴ Dapatan berkenaan disokong pula oleh Syed Omar Syed Agil di dalam kajiannya (1994), bahawa pelbagai elemen yang bergabung pada diri Umar al-Khattab telah berjaya membentuk satu potensi dan kebolehan yang dianggap langka ataupun asing⁵ di kalangan pemimpin dunia, sama ada pada waktu beliau memerintah sehinggalah ke hari ini sekali pun.

Apa yang dimaksudkan sebagai elemen yang langka itu ialah, Umar al-Khattab mempunyai gabungan pelbagai latar belakang yang membentuk dirinya menjadi tokoh sangat istimewa. Ia dibuktikan seperti mana di dalam kajian Karen Amstrong pada tahun 1991 yang mendapati, Umar al-Khattab adalah tokoh yang mempunyai disiplin diri yang sangat kental.⁶ Kajian lanjutan oleh Muhammad Baltaji pada tahun 1997 turut menyatakan, bahawa ‘Umar al-Khattāb telah menjadi perintis kepada pelbagai pembaharuan dalam pemerintahannya dan kejayaannya itu diakui para sarjana disumbangkan oleh kecerdasan akal fikirannya yang luar biasa.⁷

Kajian oleh Khalid Muhammad Khalid pada tahun 2005 turut mendokong dapatan sebelumnya dengan menyatakan, contoh transformasi terbaik yang telah ditunjukkan oleh ‘Umar al-Khattāb sangat luar biasa, khususnya dari aspek kezuhudannya kepada dunia.⁸ Selain menjadi seorang teknokrat yang membangunkan negara, Umar al-Khattab juga didapati merupakan seorang ahli ibadah yang taat,⁹ dan inilah hasil kajian Muhammad Sa’id Mursi, juga pada tahun 2005. Seterusnya, Hepi Andi Bastoni di dalam kajiannya pada tahun 2013 turut bersetuju dengan dapatan di atas, dan menambahkan bahawa, di antara faktor utama yang membentuk sikap Umar al-Khattab ialah latar belakang pendidikan yang telah diperolehinya, sama ada dari aspek kemampuan membaca dan menulis, dan tidak diabaikan juga ialah didikan langsung daripada Rasulullah SAW yang membentuk karakter dirinya.¹⁰

⁴ Saifuddin Sidek, 1991, *Fuqaha Salafi*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 23.

⁵ Syed Omar Syed Agil, 1994, *Monograf: Umar al-Khatab: How Did He Manage Success?*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 2.

⁶ Karen Amstrong, 2002, *Islam: A Short History (Sepintas Sejarah Islam)*, (Terj. Ira Puspito Rini), Yogyakarta: Ikon Teralitera, h. 38.

⁷ Muhammad Baltaji, 2007, *Ijtihad Umar bin Khattab Dalam Penetapan Syariat Islam*, (Terj. Abdul Rachman Saleh Siregar), Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd., h. 9.

⁸ Khalid Muhammad Khalid, 2005, *Men Around The Messenger*, Islamic Book Trust: Kuala Lumpur, h. 9

⁹ Muhammad Sa’id Mursi, 2005, *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah* (Terj. Khoerul Amru Harahap dan Ahmad Faozan), Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h. 10.

¹⁰ Hepi Andi Bastoni, 2013, *101 Sahabat Nabi (Jilid 1)*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h. 10.

Sementara itu, tidak dapat dinafikan bahawa aspek yang turut menyumbang kepada ketokohan dan kebijaksanaan Umar al-Khattab ialah, beliau sebenarnya mewarisi keahlian tersebut daripada keluarganya yang dikenali sangat berbakat dalam urusan diplomatik. Ketika masih belum memeluk Islam, ‘Umar al-Khattāb sering dijadikan orang tengah bagi menyelesaikan sebarang pertikaian, khususnya di antara kaum Quraisy dan lain-lain pihak di sekitar Mekah. Bakat beliau yang baik ini menjadi kebanggaan kaum Arab Quraisy, seperti mana yang didapatkan dalam kajian oleh Jaribah bin Ahmad al-Haritsi pada tahun 2015.¹¹

Jamaludin Kusnadi dalam kajiannya pada tahun 2018 pula mendapati, perluasan wilayah Islam pada era pemerintahan Umar al-Khattab, termasuklah dengan kejatuhan empayar besar Rom, telah menyebabkan berlakunya peningkatan kekayaan negara yang tidak pernah berlaku sebelumnya, baik pada zaman Nabi Muhammad SAW manu pun di zaman Abu Bakar as-Siddiq.¹² Hal ini menjadi faktor pendorong tambahan kepada Umar al-Khattab untuk melakukan pelbagai pendekatan bagi manfaat rakyat dan negaranya.

Kesimpulannya jelas menunjukkan bahawa, ketokohan Umar al-Khattab adalah gabungan daripada kepelbagaian latar belakang dirinya sendiri. Hingga akhirnya lahirlah seorang Umar al-Khattab yang mempunyai wawasan yang sangat besar, fokus dalam tindakannya sehingga dapat mewarnai peradaban Islam dalam satu dasawarsa sahaja. Ia mengundang kajian tidak lekang oleh para sarjana dari semasa ke semasa.

Sementara itu, dari aspek metodologi, kajian ini dilakukan dengan mengaplikasi kaedah kualitatif sepenuhnya, yakni memberi penumpuan kepada kajian perpustakaan yang melibatkan rujukan kepada kitab-kitab, buku, jurnal, prosiding, artikel, kertas seminar dan sebagainya sebagai rujukan utama. Pengkaji seterusnya melakukan analisis diskripif mengenai dapatan-dapatan kajian yang diperolehi dan membuat kesimpulan yang sesuai. Daripada perbincangan awal di atas, ia jelas menunjukkan bahawa masih terdapat ruang yang sangat luas untuk diterokai berkaitan dengan inovasi dalam pentadbiran zakat pada era pemerintahan Umar al-Khattab. Penulisan ini cuba untuk membincangkan perkara tersebut secara lebih terperinci dengan matlamat untuk menyajikan inovasi kutipan zakat yang lebih tersusun kepada pembaca dan menghuraikan faktor sikap Umar al-Khattab sebagai pencetusnya.

Inovasi Kutipan Zakat Pada Zaman Umar Al-Khattab

‘Umar al-Khattāb berjaya menjadi perintis kepada pelbagai pembaharuan dalam pemerintahannya dan kejayaannya itu diakui para sarjana. Berdasarkan kajian kepustakaan yang dibuat, terdapat 14 perkembangan dalam inovasi kutipan zakat yang berjaya ditemui, iaitu:

i. Mewajibkan zakat ke atas kuda

Yusuf al-Qaradawi menyatakan, Umar al-Khattab telah mengenakan zakat ke atas kuda, dengan *illah* atau alasan, kuda merupakan salah satu komoditi perniagaan pada ketika itu.¹³ Hal ini bercanggah dengan sebuah hadis sahih, kerana Nabi Muhammad SAW menyatakan, kuda

¹¹ Jaribah bin Ahmad al-Haritsi, 2015, *Fikih Ekonomi Umar bin Al-Khattab*, (terj. Asmuni Solihan Zamakhsyari), Jakarta: Pustaka al-Kautsar, h. 18.

¹² Jamaludin Kusnadi, 2018, *Kebijakan Ekonomi Khalifah Umar Bin Khattab*, Munich Personal RePEc Archive, diakses pada 14 September 2018 di <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/>, h. 1.

¹³ Yusuf Qardawi, 2007, *Hukum Zakat*, (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin) Jakarta: PT Pustaka Litera Antarnusa, h. 228.

adalah haiwan yang dikecualikan daripada zakat. Sabda Nabi Muhammad SAW yang mafhumnya: “Tidak ada kewajiban zakat atas seorang muslim dalam budak (hamba) dan kudanya.” (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

ii. Mengenakan Zakat Ke Atas Anak Unta Yang Baharu Lahir

Abu Ubaid al-Qassim menyatakan, Umar al-Khattab telah mengenakan zakat ke atas anak unta yang baharu lahir atas *illah*, ia adalah pengembangan (*an-nama*) dari induknya, dan haulnya mengikut haul induknya.¹⁴ Tindakan Umar mengenakan zakat ke atas anak unta yang baharu lahir ini, secara lahirnya bercanggah dengan ketetapan haul atau tempoh pemilikan harta zakat. Hadis Nabi Muhammad SAW: “Tidak ada zakat pada harta sehingga telah berlalu (tempoh) selama satu tahun” (Hadis Riwayat Daruquthni dan Imam Baihaqi).

iii. Pemerintah Berhak Menangguhkan Atau Mentakhirkan Pengutipan Zakat

Hukum asal pembayaran zakat ialah, wajib disegerakan apabila tiba haulnya. Namun begitu, Abu Ubaid menyatakan, Umar al-Khattab telah menangguhkan kutipan zakat kepada rakyatnya di Madinah semasa musim kemarau (*ammu ramada*) dan telah melakukan kutipan zakat dua kali ganda pada tahun berikutnya selepas tamat musim kemarau itu.¹⁵ *Illah* atau alasan Umar tidak mengenakan zakat pada tahun berkenaan, adalah untuk tidak menzalimi orang-orang yang sedang dalam kesempitan. Ia juga melambangkan sifat kasih sayang pemerintah Islam kepada rakyatnya. Sekaligus menjadi dalil, bahawa hanya pihak pemerintah atas dasar masalah amah, boleh menangguhkan kutipan zakat bagi rakyatnya, yakni dikutip setelah rakyatnya melewati waktu kesempitan tersebut.¹⁶

iv. Meningkatkan Nisab Zakat Kambing

Abu Ubaid al-Qassim menyatakan, Umar al-Khattab telah meningkatkan nisab zakat kambing dari 40 ekor ke 200 ekor pada musim kemarau di Madinah.¹⁷ *Illah* tindakan Umar ini ialah agar rakyat Madinah yang ketika itu sudah sedia tertekan kerana kondisi kemarau yang panjang, tidak bertambah tertekan dengan pembayaran zakat. Malah Umar telah membolehkan orang-orang yang memiliki 100 ekor kambing untuk menerima zakat di Madinah semasa musim kemarau itu, juga atas *illah* untuk tidak menzalimi orang-orang yang sedang dalam kesempitan akibat kemarau panjang.

v. Haiwan Yang Dijadikan Sumber Pendapatan Tidak Dikenakan Zakat Ternakan, Misalnya Ia Dipelihara Untuk Dijual Dagingnya

Abu Ubaid al-Qassim menyatakan, Umar al-Khattab telah mengecualikan zakat ke atas haiwan ternakan yang dijadikan sumber pendapatan, misalnya haiwan ternakan yang dipelihara untuk dijual dagingnya.¹⁸ Hal ini kerana, haiwan berkenaan dipelihara bukanlah dengan tujuan

¹⁴ Abu Ubaid al-Qasim, 2009, Ensiklopedia Keuangan Publik, (terj. Setiawan Budi Utomo), Jakarta: Gema Insani Press, h. 470 & 490)

¹⁵ Ibid, h. 675,

¹⁶ Yusuf Qardawi, 2007, Hukum Zakat, (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin) Jakarta: PT Pustaka Litera Antarnusa, h. 818.

¹⁷ Abu Ubaid al-Qasim, 2009, Ensiklopedia Keuangan Publik, (terj. Setiawan Budi Utomo), Jakarta: Gema Insani Press, h. 474.

¹⁸ Ibid, h. 489.

penternakan semata-mata, sebaliknya ia dipelihara bagi tujuan lain iaitu untuk dijana sebagai sumber pendapatan atau perniagaan.

vi. Menerima Zakat Daripada Non Muslim

Umar al-Khattab telah mengenakan cukai *jizyah* (individu) dan *kharaj* (cukai pertanian) kepada golongan non-muslim yang berada di dalam wilayah Islam. Namun telah berlaku satu kejadian, Bani Taghlib yang beragama Nasrani enggan menyerahkan *jizyah* mereka kepada Umar al-Khattab, sebaliknya mahu membayarkan zakat. Pada awalnya, Umar al-Khattab enggan menerimanya, namun setelah didesak, baginda mengalah. Umar al-Khattab menerima pembayaran 'zakat' tersebut, walaupun hakikatnya ia bukanlah zakat. Sebaliknya, ia adalah cukai. Umar al-Khattab menerima 'zakat' (yang sebenarnya cukai) itu dan menggandakan kadarnya kepada 1/10 atau 1/5.¹⁹

Bani Taghlib berkata: "Pungutlah lebih daripada zakat itu (yakni, tidak mengapa digandakan) dengan nama zakat, (asalkan) tidak dengan nama *jizyah*." Umar pun melaksanakan tuntutan mengambil 'zakat' ke atas Bani Taghlib sesuai dengan jumlah *jizyah*, demi menjaga perasaan mereka.²⁰

vii. Mengembangkan Zakat Pertanian

Sewaktu meluasnya wilayah kekuasaan Islam pada zaman pemerintahan Umar al-Khattab, beliau telah mengenakan zakat pertanian ke atas biji-bijian (*qutniyah*) yang baharu ditemui, padahal ia tidak disebutkan di dalam hadis yang sahih. Berdasarkan hadis, Nabi Muhammad SAW hanya mengenakan zakat pertanian ke atas bijian gandum, tamar, syair (*barli*) dan anggur kering. Namun pada masa itu, Umar al-Khattab mendapati wujudnya bijian baharu dari negara-negara yang baharu dibuka seperti Syiria, Lubnan, Jordan dan Palestin (disebut sebagai Syam) yang dibawa ke Madinah perlu dikenakan zakat pertanian.²¹

viii. Mengenakan zakat atas hasil lautan, batu berharga, madu lebah dan kekacang

Umar al-Khattab menerima batu-batu berharga sebagai komoditi perniagaan, perniagaan madu lebah, kewujudan pelbagai jenis bijian makanan baharu, kapas, minyak zaitun dan sebagainya lagi. Umar al-Khattab menyenaraikan barang-barang zakat untuk dijadikan sumber kekayaan baru yang telah dikecualikan di bawah tadbir Rasulullah SAW itu dengan menggunakan kaedah ijtihad. Maka hasilnya, wujudlah beberapa harta baharu yang dilaksana oleh Umar al-Khattab, seperti kuda, kacang merah dan kacang kuda.²² Hal ini berlaku, seiring dengan pembukaan wilayah baharu dan di sana, wujudnya pelbagai jenis harta kekayaan baharu.

ix. Penyerahan Zakat Harta Hanya Kepada Amil Pemerintah

¹⁹ Abu Ubaid al-Qasim, 2009, *Ensiklopedia Keuangan Publik*, (terj. Setiawan Budi Utomo), Jakarta: Gema Insani Press, h. 93.

²⁰ Yusuf Qardawi, 2007, *Hukum Zakat*, (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin) Jakarta: PT Pustaka Litera Antarnusa, h. 99-101.

²¹ Muhammad Husain Haekal, 1999, *Sejarah Hidup Umar bin al-Khattab*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, h. 186.

²² Wan Sofiah binti Wan Ahmad, Ahmad Irdha bin Mokhtar dan Zulkefli bin Aini, *Pengurusan Khalifah Umar bin Al-Khattab Dalam Sistem Zakat*, Prosiding Seminar Pengurusan Islam 2015 Disunting oleh: Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini. © Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor. ISBN (2015), <http://www.ukm.my/skim>, h. 6.

Sepanjang tempoh pemerintahannya, Umar al-Khattab tidak pernah memberikan izin kepada rakyatnya untuk menyalurkan apa sahaja jenis zakat harta secara persendirian. Malah apa yang berlaku, Umar al-Khattab telah memperkasakan peranan amil zakat. Beliau memberikan pengarahannya kepada para amil agar mengutip semua jenis harta. Dengan cara ini, maka Umar al-Khattab mempunyai kekuasaan penuh dalam proses pengagihan semua harta zakat kepada rakyatnya.

Apa yang perlu kita fahami ialah, pengagihan zakat memang hanya akan menjadi lebih berkesan apabila ia dilakukan di bawah satu badan induk. Penyaluran zakat melalui amil yang dilantik oleh pemerintah menjadi sangat efektif, kerana amil mampu mengumpulkan dana yang besar dan mencukupi dan kemudian dapat diagihkan kembali secara berkesan.²³

x. Mengasaskan Syarat an-Nama' Dalam Zakat

Umar al-Khattab telah menerima pelaksanaan zakat ke atas pelbagai jenis harta kekayaan baharu yang sebelumnya, belum pernah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan juga Abu Bakar as-Siddiq r.a. Alasan kepada Umar al-Khattab ialah, harta-harta berkenaan mempunyai ciri-ciri an-nama' ataupun kemampuan untuk berkembang dan menyebabkan pemiliknyanya menjadi lebih kaya.

Maka, tidak salah seandainya Umar al-Khattab boleh dianggap tokoh yang mengasaskan syarat an-nama' dalam syarat-syarat wajib zakat, seperti mana yang terus diamalkan sehingga ke hari ini. Yusuf al-Qaradawi mengiktiraf ijtihad Umar al-Khattab sebagai sesuatu yang sangat baik, kerana ia berpotensi untuk menerima kemasukan pelbagai jenis harta baharu yang sebelumnya tidak disebutkan di dalam nas yang *sarih* (jelas), termasuklah kepada haiwan pedaging dan sebagainya.²⁴

xi. Ambil Harta Cara Paksa

Umar al-Khattab adalah seorang pemerintah yang tegas. Maka, mereka yang dengan sengaja enggan mengeluarkan zakat, akan dipaksa untuk mengeluarkannya atau berhadapan dengan tindakan tegas, misalnya dirampas harta mereka. Umar al-Khattab berkata, "Jika saya menghadapi perkara yang tidak sesuai dengan yang dikehendaki, maka saya akan mengambil kelebihan harta orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin".²⁵

Hal ini bukanlah sesuatu yang pelik dan mustahil, kerana sewaktu menjadi pembantu Abu Bakar as-Siddiq, Umar al-Khattab telah pun ditegaskan bahawa tidak boleh membiarkan orang-orang yang mengaku beriman tetapi enggan menunaikan zakat. Abu Bakar as-Siddiq telah pun menunjukkan model dan tauladan kepada Umar al-Khattab, sehinggalah pada zaman pemerintahannya Umar al-Khattab pun terus bertegas menguatkuasakan undang-undang zakat sehingga sanggup merampas harta mereka yang enggan menunaikannya dengan rela hati.

²³ Widi Nopiardo, Urgensi Berzakat Melalui Amil dalam Pandangan Ilmu Ekonomi Islam, Jurnal Ilmiah Syari'ah, Volume 15, Nomor 1, Januari-Juni 2016, h. 96.

²⁴ Suryani binti Masnan, Ahmad bin Yussuf, Bahiyah binti Ahmad, Al-Qaradawī dan Sumbangannya Terhadap Pembangunan al-Sunnah: Sorotan Dari Sudut Zakat, Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD) , dalam Prosiding Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa, Sidang Editorial: Fauzi Deraman, Ishak Sulieman, Faisal Ahmad Shah, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Mohamad Hasbullah, Salim Khairul dan Saufil Hadi Muhamad, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya. 2011, h. 477.

²⁵ Ali Ridlo, Kebijakan Ekonomi Umar Ibn Khattab, Jurnal Al-'Adl, Vol. 6 No. 2 Juli 2013, h. 26.

xii. Umar Menegah Usaha Penipuan Dalam Menunaikan Zakat

Tidak dapat dinafikan, sepanjang zaman akan wujud manusia yang berpura-pura taat; namun pada masa yang sama mencari jalan dan helah untuk melepaskan diri daripada kewajipan kepada agama dan Negara. Hal ini termasuklah dalam usaha mengelakkan membayar zakat kepada pemerintah. Dalam hal ini, Umar al-Khattab telah menegaskan bahawa sebarang usaha menipu daya tidak akan diberikan peluang.

Umar al-Khattab terlebih dahulu meletakkan dasar-dasar keadilan dalam penunaian zakat. Misalnya Umar al-Khattab berpesan, “Tidak boleh dipisahkan antara yang berkumpul dan tidak boleh dikumpulkan antara yang berpisah karena takut membayar zakat.” Imam Malik menghuraikannya, iaitu tidak boleh jika tiga orang pemilik kambing yang masing-masing mempunyai 40 ekor kambing, namun menyatukan kambing mereka menjadi 120 ekor kambing, sehingga zakatnya hanyalah dua ekor sahaja. Sedangkan, jika dipisahkan maka zakatnya adalah seekor bagi setiap orang.

Manakala jangan memisahkan sesuatu yang tercampur, apabila ada dua orang penternak mencampurkan ternakannya sehingga berjumlah 200 ekor kambing, maka zakatnya ialah tiga ekor kambing. Namun apabila didatangi amil, mereka memisahkannya menjadi dua bahagian, sehingga setiap orang hanya mengeluarkan seekor kambing sahaja. Umar al-Khattab melarang hal ini daripada dilakukan kerana ia adalah satu helah yang boleh merugikan para asnaf dan Negara Islam.²⁶

xiii. Umar Melarang Melantik Amil Dari Kalangan Non Muslim

Umar al-Khattab berpandangan, orang-orang yang belum beragama Islam tidak layak dilantik untuk menjadi pengurus dalam hal-ehwal kenegaraan. Dalam hal ini, Umar al-Khattab pernah menegur Abu Musa al-Asy'ari kerana telah melantik pegawai cukai dari kalangan non-muslim. Umar al-Khattab berkata, “Katakanlah kepada pencatatmu itu untuk membaca Alquran.” Abu Musa al-Asy'ari menjawab, “Dia adalah seorang Nasrani, tidak pernah masuk ke dalam masjid (bukan seorang Islam).” Umar al-Khattab pun berkata, “Jangan pernah kamu menghormati mereka, kerana Allah sudah menghinanya, dan janganlah kamu memberi amanah kepada mereka, kerana Allah sudah menganggapnya sebagai orang yang berkhianat.”²⁷ Walau bagaimanapun, Abu Musa al-Asy'ari dikhabarkan enggan memecat pegawai berkenaan, dengan alasan-alasan tertentu.²⁸

Di dalam riwayat yang lain ada juga, Umar al-Khattab enggan melantik seorang lelaki dari kaum al-Hirah yang belum beragama Islam, biar pun dia mempunyai ingatan yang kuat dan kemahiran menjadi penulis (katib). Ini kerana, Umar al-Khattab berpendapat ia akan menjadikan lelaki berkenaan leluasa di dalam kerajaan yang boleh mencari dan membocorkan rahsia kekuatan Islam.²⁹

²⁶ Ibid, h. 7-8.

²⁷ Ali Ridlo, Jurnal Al-‘Adl, Vol. 6 No. 2 Juli 2013, h. 6.

²⁸ Mohd. Hapiz Mahaiyadin Roshaimizam Suhaimi, Kepemimpinan Orang Bukan Islam dalam Kerajaan Islam Menurut Perspektif Fiqh, Esteem Academic Journal, Vol. 7, No. 2, 53-79, 2011, h. 68.

²⁹ Mohd. Hapiz Mahaiyadin Roshaimizam Suhaimi, Kepemimpinan Orang Bukan Islam dalam Kerajaan Islam Menurut Perspektif Fiqh, Esteem Academic Journal, Vol. 7, No. 2, 53-79, 2011, h. 61-62.

xiv. Umar Mengenakan Hukuman Kepada Pembayar Zakat Yang Curang

Umar al-Khattab sangat memastikan kepatuhan zakat di dalam kalangan rakyatnya. Maka, selain disediakan kemudahan pembayaran dan orang yang membantu mengira zakat, maka Umar al-Khattab bertegas mengenakan hukuman kepada pembayar zakat yang dengan sengaja menipu taksiran zakat. Umar al-Khattab menghukum mereka dengan denda sebanyak 20 peratus daripada barangan yang dizakatkan.³⁰

Umar al-Khattab juga seperti Abu Bakar as-Siddiq, sanggup memerangi orang-orang yang enggan menunaikan zakat. Umar al-Khattab pernah berniat untuk bertanya kepada Nabi Muhammad SAW tentang hal berkenaan, namun beliau dikhabarkan tidak sempat bertanya. Katanya, “Menanyakan kepada Rasulullah tentang orang yang membangkang membayar zakat apakah mereka harus diperangi, lebih saya sukai dari pada unta yang sangat mahal harganya.” Atas dasar itulah, beliau akhirnya bersetuju dengan tindakan Abu Bakar as-Siddiq untuk memerangi para pengingkar zakat. Umar al-Khattab berkata, “Allah telah membuka hati Abu Bakar untuk berperang, dan saya tahu bahawa itu adalah benar.”³¹

Dalam keadaan yang lain, Umar al-Khattab pernah mengancam untuk mengambil secara paksa harta rakyatnya jika mereka enggan memberikannya dengan baik kepada pemerintah demi memenuhi keperluan rakyat. Umar al-Khattab berkata, “Jika saya menghadapi perkara yang tidak sesuai dengan yang dikehendaki, maka saya akan mengambil kelebihan harta orang-orang kaya untuk diberikan kepada orang-orang miskin.”³²

Faktor Latar Belakang Umar Yang Mempengaruhi

Secara prinsipnya, seseorang pemerintah Islam harus mempunyai kemampuan dari aspek ilmu pengetahuan dan harus juga mampu secara konsisten melihat kepada keperluan dalam organisasinya dan melakukan penambahbaikan yang sewajarnya.³³ Merujuk kepada Umar al-Khattab, beliau bukan sekadar seorang tokoh yang berilmu pengetahuan luas, malah beliau juga seorang yang mempunyai latar belakang yang sangat hebat.

i. Kombinasi Sikap Lembut dan Keras

Umar al-Khattab mempunyai sikap yang sangat tegas, berani, keras, penuh disiplin, fokus, berani, berintegriti dan berwawasan jauh ke hadapan.³⁴ Pada masa yang sama, sikap-sikap yang kelihatan ekstrem itu, diimbangi dengan sikap baginda yang begitu lembut hatinya, jiwa yang sensitif sehingga mudah menangis, takut dengan dosa,³⁵ tawadhuk dan sangat merendah diri, yakni tidak ego, sombong atau takbur.

Dua sifat yang sangat kontras ini, berpadu di dalam diri Umar al-Khattab, sehingga akhirnya lahirlah sikap seorang pemimpin yang sangat luar biasa. Adalah diyakini bahawa,

³⁰ Mujaini Tarimin, *Zakat al-Mal al-Mustafad*, h. 73.

³¹ Ali Ridlo, *Kebijakan Ekonomi Umar Ibn Khattab*, *Jurnal Al-‘Adl*, Vol. 6 No. 2 Juli 2013, h. 6.

³² *Ibid*, h. 26.

³³ Mohamad Johdi Salleh, Dr and Nazifah Alwani Mohamad, *Islamic Principles of Administration: Implications on Practices in Organization, Technology, Science, Sosial Sciences and Humanities International Conference – TeSSHI 2012*, Organizer: Universiti Teknologi MARA Kedah at One Helang Hotel, Langkawi, 14 & 15 November 2012, h. 9.

³⁴ Fahmi Jawwas, *Posisi Nas Dalam Ijtihad Umar Ibn Khattab*, *HUNAFa: Jurnal Studia Islamika*, Vol. 10, No. 2, Disember 2103, 359-379, h. 359.

³⁵ Miftachul Ula, Maria Ulfa dan M. Husein Tuanaya, 2014, *Buku Siswa Sejarah Kebudayaan Islam*, Jakarta: Kementerian Agama Republik Indonesia, h. 74.

komitmen Umar al-Khattab yang luar biasa kepada Islam itu lahir dan manifestasi kepada rasa penyesalannya kerana terlambat menerima Islam berbanding para sahabat yang lain. Ia juga jelmaan rasa penyesalan Umar al-Khattab atas sikap penentangannya yang begitu ketara sebelum ini.³⁶ Dengan komitmen luar biasa itulah, ia menjadi pemangkin yang memacu Umar al-Khattab dalam merangka pelbagai pembaharuan demi Islam yang amat dicintainya dan juga manifestasi penyesalannya yang lampau.

ii. Bijaksana Meraikan Keadaan

Sebalik komitmen yang begitu tinggi yang telah dipamerkan oleh Umar al-Khattab, sehingga beliau digeruni oleh ramai pihak,³⁷ namun Umar al-Khattab juga sebenarnya amat bijak menyesuaikan dirinya dalam mengambil sikap terhadap sesuatu keadaan. Beliau tahu di mana tempatnya untuk perlu bertegas, dan di mana pula perlu berlembut. Lalu apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan, maka Umar al-Khattab akan menjadi orang yang paling lembut. Beliau amat menyintai rakyatnya, sentiasa berusaha membahagiakan mereka dan berusaha menjauhkan musibah dari menimpa ke atas mereka.³⁸ Hal ini dibuktikan dengan beberapa peristiwa, antaranya kisah Umar al-Khattab mengabdikan permintaan Bani Taghlib untuk membayar zakat dan menolak membayar jizyah.³⁹

iii. Kebertanggungjawaban

Sikap kebertanggungjawaban Umar al-Khattab terserlah, seperti mana dinyatakan di dalam pidato pertamanya seurus dibai'ah sebagai khalifah: "Aku hanyalah salah seorang daripada kalian. Wahai Allah, aku ini sungguh keras dan kasar, maka lunakkanlah hatiku. Aku sangat lemah, maka berikanlah aku kekuatan. Aku ini kikir, maka jadikanlah aku dermawan dan bermurah hati. Tidak ada persoalan (urusan) kalian yang harus aku hadapi, lalu diserahkan kepada orang lain, kecuali kepadaku. Tidak ada yang tidak hadir di pertemuan ini lalu meninggalkan perbuatan terpuji dan amanah (jangan melakukan kejahatan). Jika mereka berbuat baik, (maka) akan aku membalas ia dengan kebaikan, tetapi jika mereka melakukan kejahatan terimalah bencana yang akan aku timpakan (hukuman yang akan dikuatkuasakan) ke atas mereka."⁴⁰

Intipati daripada pidato di atas antaranya ialah, Umar al-Khattab menekankan aspek kesamarataan manusia di hadapan Allah SWT, ketegasan dirinya selaku pemimpin, kepimpinannya memerlukan sokongan dan teguran daripada rakyatnya. Umar al-Khattab akhirnya merealisasikan wawasan lewat pidatonya itu dengan menguatkuasakan pelbagai pembaharuan demi kesejahteraan rakyat, termasuklah dengan pelbagai inovasi kutipan zakat.

iv. Zuhud dan Qanaah

Umar al-Khattab juga amat zuhud dan qanaah (hidup berpada-pada). Baginda tidak sesekali pernah mengizinkan kemewahan dunia meresap masuk sedikit pun ke dalam hati nuraninya.

³⁶ Ahmed A.F. al-Ashker and Rodney Wilson, 2006, *Islamic Economics A Short History*, Leiden • Boston: Brill, h. 100.

³⁷ GERUN

³⁸ Hamka, 2016, *Sejarah Umat Islam*, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, h. 211.

³⁹ Abu Ubaid al-Qasim, 2009, *Ensiklopedia Keuangan Publik*, (terj. Setiawan Budi Utomo), Jakarta: Gema Insani Press, h. 93.

⁴⁰ Muhammad Husain Haekal, 1999, *Sejarah Hidup Umar bin al-Khattab*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, h. 127.

Malah bagi Umar al-Khattab, harta bakal merosakkan akal budi orang-orang yang mengejanya. Lantaran kezuhudan itulah, ia telah menjadi asbab bertambah rasa kecintaan rakyat jelata kepada Umar al-Khattab.⁴¹ Bayangkan, pernah pada satu waktu semasa Umar al-Khattab naik ke atas mimbar, mereka dapat melihat dengan jelas di jubahnya terdapat 12 tampalan.⁴²

Malah, dalam kondisi pemerintah tertinggi negara yang kaya raya pada eranya, Umar al-Khattab hanya mengambil gaji dari Baitul Mal dalam jumlah yang perlu sahaja, sekadar untuk memenuhi keperluannya. Tdak berlebih-lebihan apatah lagi sehingga bermewah-mewah.⁴³ Maka, rakyat manakah yang tidak menyintai pemimpin seperti ini. Ia menumbuhkan rasa hormat, sekaligus menyuburkan kepercayaan yang akhirnya mendorong mereka untuk menyerahkan harta zakat tanpa secuil pun rasa sangsi di hati.

Sebenarnya, hal ini menambahkan rasa ketakjuban rakyat kepada pemerintah dan sekaligus menumbuhkan rasa keyakinan kepada pemerintah. Di dalam pengurusan zakat, keyakinan adalah anak kunci kejayaan. Ia menjadikan rakyat yakin dengan pemerintah untuk disandarkan harta kekayaan mereka sebagai zakat.

v. Amanah dan Berintegriti

Umar al-Khattab juga sangat menjaga amanah atau berintegriti. Kedudukannya sebagai pemimpin tertinggi, tidak pernah dijadikan kesempatan untuk melakukan korupsi atau salah guna kuasa. Dengan itu, Umar al-Khattab berharap semoga dirinya mahu pun keluarganya, terselamat daripada fitnah harta dan dunia. Pernah suatu hari, ketika Umar al-Khattab naik ke atas mimbar untuk menyampaikan nasihat, namun baginda ketika itu sakit. Seseorang membertitahu kepadanya, bahawa ubat kepada penyakit itu adalah madu lebah. Kebetulan di dalam Baitul Mal ada tersimpan madu lebah (sewaktu Umar al-Khattab menjadi khalifah, baginda mengutip zakat madu daripada rakyatnya). Lalu Umar al-Khattab berkata, “Jika tuantuan mengizinkan, saya ambillah madu itu; tetapi jika tidak, haramlah ke atas saya mengambilnya.”⁴⁴ Ketika membahagikan elaun sara hidup kepada penduduk Madinah, Umar al-Khattab telah mengakhirkan Bani Adi, kerana itulah adalah dari kalangan ahli keluarganya dan keturunannya. Tindakan Umar al-Khattab itu bermatlamat, agar mereka tidak merasa dilebihkan atas hubungan kekerabatan mereka dengan khalifah.⁴⁵

Sesungguhnya amanah dan integriti di dalam pengurusan zakat adalah anak kunci penting agar rakyat khususnya golongan kaya tidak was-was memberikan harta mereka kepada amil atau pemerintah.

vi. Ketegasan

Ketegasan Umar al-Khattab sangat ketara dalam urusan pemerintahannya. Umar al-Khattab selalu menasihati para pegawainya agar tidak melakukan salah guna kuasa dan memakan

⁴¹ Hamka, 2016, *Sejarah Umat Islam*, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, h. 213.

⁴² Saifuddin Sidek, 1991, *Fuqaha Salafi*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 31.

⁴³ Ali Ridlo, *Kebijakan Ekonomi Umar Ibn Khattab*, *Jurnal Al-‘Adl*, Vol. 6 No. 2 Juli 2013, h. 22-23.

⁴⁴ Hamka, 2016, *Sejarah Umat Islam*, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, h. 213.

⁴⁵ Ahmed A.F. al-Ashker and Rodney Wilson, 2006, *Islamic Economics A Short History*, Leiden • Boston: Brill, h. 100.

rasuah.⁴⁶ Beliau tidak segan-segan akan mengenakan tindakan dan hukuman yang sesuai menurut perkiraannya, jika didapati ada dalam kalangan pegawai kerajaannya yang melakukan sesuatu kesalahan atau berkecenderungan melakukan kesalahan. Umar al-Khattab tidak gentar kepada sesiapa pun dalam menegakkan hukum Allah.⁴⁷ Misalnya, Umar al-Khattab pernah memecat Saad bin Abi Waqas di Kufah, setelah mendapat informasi beliau tidak berlaku adil dalam pembahagian kekayaan negara dan tidak menggerakkan operasi ketenteraan dalam menghadapi pengaruh Rom.⁴⁸ Ketegasan ini menjadikan pemimpin dan rakyat menaruh rasa hormat dan sekaligus rasa takut untuk melakukan kesalahan. Ia termasuklah mengambil mudah dalam pelaksanaan zakat, kerana Umar al-Khattab pasti akan mengenakan tindakan yang keras jika mereka sengaja melecehkan dan mengabaikannya.

Manakala dalam penguatkuasaan perundangan zakat, ketegasan adalah sangat penting. Ia menjadi rakyat yang kaya tidak mengambil kesempatan dan mencipta pelbagai helah untuk melarikan diri mereka daripada tanggung jawab.

vii. Keadilan

Umar al-Khattab menjunjung tinggi prinsip keadilan dan ia direalisasikan dalam tindakan, bukan sekadar kata-kata dan janji manis. Seorang delegasi dari kerajaan Rom pernah mendatangi Umar al-Khattab dan menzahirkan kekagumannya ketika melihat Umar al-Khattab mampu lena tidur di bawah sebatang pohon tanpa pengawalan keselamatan. Ia jauh berbeza dengan kawalan keselamatan ke atas maharajanya sendiri. Dalam kekaguman itu delegasi berkenaan berkata, “Anda telah memerintah dengan adil, maka anda merasa aman dan dapat tidur dengan nyenyak, wahai Umar.”⁴⁹ Malah keadilan itu juga telah menarik hati non muslim untuk sedia berada di bawah naungan Islam, seperti mana yang berlaku kepada bangsa Qibti di Mesir yang didiskriminasi oleh pemerintahan Rom. Ia mendorong mereka untuk mendapatkan naungan daripada kekuasaan Islam.⁵⁰

Keadilan juga merupakan salah satu resipi kejayaan dalam pengurusan zakat. Umar al-Khattab tidak akan sewenang-wenangnya melakukan sesuatu ketetapan sebelum ia dipastikan adil. Lebih utama, keadilan itu dizahirkan terlebih dahulu di dalam dirinya sendiri.

viii. Toleransi

Umar al-Khattab juga seorang yang mempunyai sikap toleransi yang tinggi, sama ada kepada umat Islam mahu pun kepada non muslim. Sama ada ketika dalam peperangan mahu pun sewaktu mencapai kemenangan. Contohnya, sewaktu pembukaan Kota Baitul Maqdis (Palestin) setelah dibebaskan sepenuhnya daripada kekuasaan Rom pada tahun 638 Masihi⁵¹, Umar al-Khattab menerima kuncinya dalam keadaan yang sangat sederhana, tidak sedikit pun

⁴⁶ Muhammad Husain Haekal, 1999, *Sejarah Hidup Umar bin al-Khattab*, (ter. Ali Audah), Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 672.

⁴⁷ Saifuddin Sidek, 1991, *Fuqaha Salafi*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, h. 27.

⁴⁸ Muhammad Husain Haekal, 1999, *Sejarah Hidup Umar bin al-Khattab*, (ter. Ali Audah), Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 672.

⁴⁹ Syaikh Muhammad Sa'id Mursi, 2005, *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah*, (terj. Khoerul Amru Harahap), Jakarta: Pustaka al-Kauthar, h. 13.

⁵⁰ Miftachul Ula, Maria Ulfa dan M. Husein Tuanaya, 2014, *Buku Siswa Sejarah Kebudayaan Islam*, Jakarta: Kementerian Agama Republik Indonesia, h. 89.

⁵¹ Moh. Rosyid, *Dinamika Perjuangan Muslim di Palestina*, FIKRAH: Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keagamaan Vol. 3, No. 2, Desember 2015, h. 237.

menzalimi rakyat yang beragama Nasrani atau merendahkan agama mereka, dalam keadaan damai,⁵² malah memberikan jaminan tentang kehidupan yang baik kepada mereka.⁵³

Malah Umar al-Khattab enggan mengerjakan solat di dalam gereja kerana tidak mahu ia dijadikan sandaran atau alasan kepada umat Islam pada hari kemudian untuk mengambil alih rumah ibadah non muslim lalu menjadikannya masjid ataupun memaksakan Islam ke atas penganut agama lain.⁵⁴ Ia menimbulkan rasa kekaguman dan kemuliaan di sisi mata masyarakat dan rakyat non muslim. Sekaligus melambangkan bahawa kemenangan dunia tidak akan sama sekali menguasai hati seorang pemimpin Islam sejati seperti Umar al-Khattab. Kesannya kepada zakat sangat besar, iaitu menimbulkan rasa percaya kepada pemerintah dan mampu menarik mereka kepada Islam, lalu dapat meningkatkan hasil kutipan zakat.

Toleransi seperti ini juga penting dalam urusan kutipan zakat. Misalnya, Umar al-Khattab tidak semudah-mudahnya menggunakan kekuasaannya untuk memaksa seluruh rakyatnya dalam sesuatu perkara, kecuali ia mengambil kira pelbagai aspek. Ia memberikan rasa lega dalam kalangan rakyat, biar pun Umar al-Khattab banyak menemukan inovasi dalam pelaksanaan kutipan zakat.

ix. Prihatin Kepada Rakyat

Umar al-Khattab juga seorang yang prihatin dengan kesusahan rakyatnya. Pernah suatu hari Umar al-Khattab melihat seorang lelaki tua dari kalangan ahli zimmi yang sedang meminta sedekah. Umar al-Khattab pun bertanya kepadanya dengan penuh perhatian, “Apakah yang memaksamu melakukan pekerjaan ini?” Jawab lelaki itu, “Kewajipan membayar jizyah, usiaku yang tua dan juga demi memenuhi keperluan hidupku.” Umar al-Khattab pun berkata kepadanya, “Kami telah tidak berlaku adil kepadamu, kerana kami telah mengambil jizyah daripadamu dalam keadaan usiamu masih muda dahulu, kemudian kami gagal menyantunimu pada saat usia telah tuamu.” Lalu Umar al-Khattab telah menitipkan pegawai Baitul Mal kepada lelaki itu, menghentikan pengambil jizyah daripadanya, sebaliknya memberikan kepadanya bantuan daripada Baitul Mal.⁵⁵ Tindakan ini juga mampu menarik ramai non muslim untuk memeluk Islam dan mampu meningkatkan kutipan zakat.

Keprihatinan Umar al-Khattab sebenarnya menjadi elemen pelengkap kepada pengukuhan pelbagai perkara baharu dalam pemerintahannya. Ia mempamerkan akhlak seorang khalifah, yang mengambil kekayaan demi manfaat ramai. Natiujahnya, rakyat berasa senang, puas hati dan tidak terbeban dengan pelbagai ketetapan baharu yang dilaksanakan oleh pemerintah.

Kesimpulan

Hakikatnya, terdapat begitu banyak inovasi dalam pelaksanaan kutipan zakat yang telah dilakukan oleh Umar al-Khattab dalam zaman pemerintahannya. Tidak dapat dinafikan

⁵² Kamal-deen Olawale Sulaiman , Jerusalem as a Uniting Faktor for Muslims and Christians: Historical and Scriptural Grounds, The IAFOR Journal of Arts and Humanities Volume II - Issue I - Fall 2014, h. 2.

⁵³ Abd Al-Fattah El-Awaisi, The Significance Of Jerusalem In Islam An Islamic Reference, Journal Of Islamic Jerusalem Studies (Summer 1998), 1:2, 47-71, h. 61.

⁵⁴ Ahmad Gojali, 2006, Etika Politik Dalam Kepimpinan Umar Ibn Khattab, Skripsi diajukan kepada Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, h. 66-67.

⁵⁵ Zahid-Ivan Salam, 2001, Jihad and the Foreign Policy of the Khilafah State, London: Khilafah Publications, h. 73

bahawa, faktor latar belakang Umar al-Khattab sebenarnya telah menjadi pencetus utama kepada pelbagai inovasi dalam kutipan zakat tersebut. Ia menjadi bukti, bahawa zaman pemerintahan Umar al-Khattab adalah satu era yang sangat penting untuk terus dikaji, khususnya dalam pembangunan pelaksanaan ibadah zakat secara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanyalah bersifat kajian awalan. Bagi melihat seluruh perkembangan dalam pengurusan zakat pada zaman Umar al-Khattab, maka kajian lanjutan perlulah dilakukan. Penulis sangat yakin, masih banyak inovasi atau pembaharuan dalam pengurusan zakat pada zaman Umar al-Khattab boleh dikenal pasti, seterusnya mampu dijadikan sandaran dan model kepada pelaksanaan zakat pada zaman ini. Maka, ia menjadi asas penting agar perubahan zaman pada tahun-tahun yang mendatang, perlu diambil kira dalam pelaksanaan pentadbiran zakat di dalamnya.

Rujukan

- Abd Al-Fattah El-Awaisi, The Significance Of Jerusalem In Islam An Islamic Reference, *Journal Of Islamic Jerusalem Studies* (Summer 1998), 1:2, 47-71.
- Abu Ubaid al-Qasim, 2009, *Ensiklopedia Keuangan Publik*, (terj. Setiawan Budi Utomo), Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Gojali, 2006, *Etika Politik Dalam Kepimpinan Umar Ibn Khattab*, Skripsi diajukan kepada Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Ahmed A.F. al-Ashker and Rodney Wilson, 2006, *Islamic Economics A Short History*, Leiden • Boston: Brill.
- Ali Ridlo, *Kebijakan Ekonomi Umar Ibn Khattab*, *Jurnal Al-‘Adl*, Vol. 6 No. 2 Juli 2013.
- Fahmi Jawwas, *Posisi Nas Dalam Ijtihad Umar Ibn Khattab*, *HUNAFU: Jurnal Studia Islamika*, Vol. 10, No. 2, Desember 2103, 359-379.
- Hamka, 2016, *Sejarah Umat Islam*, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, h. 213.
- Hepi Andi Bastoni, 2013, *101 Sahabat Nabi (Jilid 1)*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Jamaludin Kusnadi, 2018, *Kebijakan Ekonomi Khalifah Umar Bin Khattab*, Munich Personal RePEc Archive, diakses pada 14 September 2018 di <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/>.
- Jaribah bin Ahmad al-Haritsi, 2015, *Fikih Ekonomi Umar bin Al-Khattab*, (terj. Asmuni Solihan Zamakhsyari), Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Kamal-deen Olawale Sulaiman, *Jerusalem as a Uniting Faktor for Muslims and Christians: Historical and Scriptural Grounds*, *The IAFOR Journal of Arts and Humanities Volume II - Issue I - Fall 2014*.
- Karen Armstrong, 2002, *Islam: A Short History (Sepintas Sejarah Islam)*, (Terj. Ira Puspito Rini), Yogyakarta: Ikon Teralitera.
- Khalid Muhammad Khalid, 2005, *Men Around The Messenger*, Islamic Book Trust: Kuala Lumpur.
- Miftachul Ula, Maria Ulfa dan M. Husein Tuanaya, 2014, *Buku Siswa Sejarah Kebudayaan Islam*, Jakarta: Kementerian Agama Republik Indonesia.
- Moh. Rosyid, *Dinamika Perjuangan Muslim di Palestina*, *FIKRAH: Jurnal Ilmu Aqidah dan Studi Keagamaan* Vol. 3, No. 2, Desember 2015.
- Mohamad Johdi Salleh, Dr and Nazifah Alwani Mohamad, *Islamic Principles of Administration: Implications on Practices in Organization, Technology, Science, Sosial Sciences and Humanities International Conference – TeSSHI 2012*, Organizer: Universiti Teknologi MARA Kedah at One Helang Hotel, Langkawi, 14 & 15 November 2012.

- Mohd. Hapiz Mahaiyadin Roshaimizam Suhaimi, Kepemimpinan Orang Bukan Islam dalam Kerajaan Islam Menurut Perspektif Fiqh , *Esteem Academic Journal*, Vol. 7, No. 2, 53-79, 2011.
- Muhammad Baltaji, 2007, *Ijtihad Umar bin Khattab Dalam Penetapan Syariat Islam*, (Terj. Abdul Rachman Saleh Siregar), Selangor: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Muhammad Husain Haekal, 1999, *Sejarah Hidup Umar bin al-Khattab*, (ter. Ali Audah), Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd..
- Muhammad Sa'id Mursi, 2005, *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah* (Terj. Khoerul Amru Harahap dan Ahmad Faozan), Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Mujaini Tarimin, 2015, *Zakat al-Mal al-Mustafad*, Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat MAIWP.
- Saifuddin Sidek, 1991, *Fuqaha Salafi*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Suryani binti Masnan, Ahmad bin Yussuf, Bahiyah binti Ahmad, *Al-Qaradawī dan Sumbangannya Terhadap Pembangunan al-Sunnah: Sorotan Dari Sudut Zakat*, Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa (MUSNAD) , dalam *Prosiding Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Sidang Editorial: Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faisal Ahmad Shah, Monika @ Munirah Abd Razzak, Khadher Ahmad, Mohamad Hasbullah, Salim Khairul dan Saufil Hadi Muhamad, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya. 2011.
- Syaikh Muhammad Sa'id Mursi, 2005, *Tokoh-tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah*, (terj. Khoerul Amru Harahap), Jakarta: Pustaka al-Kauthar.
- Syed Omar Syed Agil, 1994, *Monograf: Umar al-Khatab: How Did He Manage Success?*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Wan Sofiah binti Wan Ahmad, Ahmad Irdha bin Mokhtar dan Zulkefli bin Aini, *Pengurusan Khalifah Umar bin Al-Khattab Dalam Sistem Zakat*, *Prosiding Seminar Pengurusan Islam 2015* Disunting oleh: Ahmad Irdha Mokhtar dan Zulkefli Aini. © Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Bangi, Selangor. ISBN (2015), <http://www.ukm.my/skim>.
- Widi Nopiardo, *Urgensi Berzakat Melalui Amil dalam Pandangan Ilmu Ekonomi Islam*, *Jurnal Ilmiah Syari'ah*, Volume 15, Nomor 1, Januari-Juni 2016.
- Yusuf Qardawi, 2007, *Hukum Zakat*, (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin dan Hasanuddin) Jakarta: PT Pustaka Litera Antarnusa.
- Zahid-Ivan Salam, 2001, *Jihad and the Foreign Policy of the Khilafah State*, London: Khilafah Publications.